

DEXTROPHAN SYRUP

Dextromethorphan hydrobromide (15mg / 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DEXTROPHAN
2. Bagaimana DEXTROPHAN berfungsi
3. Sebelum mengambil DEXTROPHAN
4. Cara menggunakan DEXTROPHAN
5. Semasa menggunakan DEXTROPHAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEXTROPHAN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan DEXTROPHAN

Ubat ini digunakan untuk melegakan batuk tanpa kahak akibat kerengsaan tekak ringan yang berlaku dengan selesema atau terhidu perengsa.

Bagaimana DEXTROPHAN berfungsi

Dextromethorphan merupakan penekan batuk. Ia mengurangkan refleks batuk melalui bahagian otak yang mengawal tindak balas batuk.

Sebelum mengambil DEXTROPHAN

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap Dextromethorphan atau sebarang bahan kandungan lain yang tersenarai di bahagian akhir risalah ini.

Jangan memberi ubat ini kepada kanak-kanak bawah 2 tahun. Minta nasihat doktor or ahli farmasi anda untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

- Sebelum menggunakan DEXTROPHAN

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mempunyai batuk dengan kahak
- Anda mempunyai sejarah penyakit asma or penyakit pernafasan
- Anda mempunyai sebarang penyakit hati.
- Anda mengandung atau merancang untuk hamil

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat dan DEXTROPHAN akan berinteraksi antara satu sama lain, contohnya:

- Monoamine oxidase inhibitor – furazolidone, procarbazine (untuk merawat penyakit kemurungan)
- Central nervous system depressant – alkohol, ubat-ubatan yang menyebabkan rasa mengantuk

Cara menggunakan DEXTROPHAN

- Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Maklumat yang berikut hanya digunakan sebagai rujukan. Oleh itu dos dan kekerapan untuk anda mungkin berbeza.

Dos biasa DEXTROPHAN ialah:

Dewasa dan kanak-kanak umur selepas 12 tahun:

5ml setiap 4 jam atau 10ml setiap 6 - 8 jam. Jangan ambil lebih daripada 40ml sehari.

Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:

2.5ml setiap 4 jam atau 5ml setiap 6 - 8 jam. Jangan ambil lebih daripada 20ml sehari.

Kanak-kanak umur 2 hingga 6 tahun:

1 - 2ml setiap 4 jam atau 2.5ml setiap 6 - 8 jam. Jangan ambil lebih daripada 10ml sehari.

Kanak-kanak bawah umur 2 tahun.

Tidak digalakkan.

- Bila perlu digunakan

Ambil DEXTROPHAN seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan anda bergantung kepada keadaan penyakit anda. DEXTROPHAN biasanya diambil untuk jangka yang pendek sehingga simptom anda hilang.

Sila ambil DEXTROPHAN mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Anda mungkin mengalami simptom-simptom seperti keterujaan dan kekeliruan. Pada dos yang sangat tinggi, anda mungkin mengalami khayalan dan (kadar pernafasan yang rendah). Maklumkan doktor anda dengan segera atau menuju ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin mengambil DEXTROPHAN secara berlebihan.

Sila berbuat begitu walaupun anda tidak mempunyai tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan DEXTROPHAN

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sila patuhi arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti.

Jika batuk anda berterusan walaupun ubat ini telah diambil untuk 7 hari atau jika demam tinggi, ruam atau sakit kepala yang berterusan berlaku bersama batuk, sila berjumpa dengan doktor anda.

Maklumkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil DEXTROPHAN, jika anda akan bermula mengambil sebarang ubat yang baru.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan ambil DEXTROPHAN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan ambil dos DEXTROPHAN yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan mengendalikan mesin

Kesan sampingan seperti pening dan mengantuk mungkin berlaku. Jika terjejas, anda tidak harus memandu atau mengendalikan mesin. Jika anda merasakan bahawa kesan DEXTROPHAN terlalu kuat atau terlalu lemah, berunding dengan doktor anda untuk tindakan yang sesuai.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, DEXTROPHAN mempunyai kesan sampingan, Walaupun begitu, kesan sampingan tersebut agak jarang.

Sesetengah kesan sampingan telah dilaporkan:

- Mengantuk
- Pening
- Loya
- Muntah
- Sakit perut

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku kepada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems/Side Effects/AEFI/Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DEXTROPHAN

- *Penyimpanan*

Simpan ubat anda dalam bekas asalnya dan pastikan ia ditutup dengan ketat.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Jangan ambil DEXTROPHAN selepas melepasi tarikh luput.

Ubat tidak seharusnya dibuang dalam air kumbahan atau tong sampah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara yang betul untuk membuang ubat yang tidak diperlukan. Ini adalah penting untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna perang, berperisa ceri.

DEXTROPHAN boleh didapati dalam botol 60ml atau 90ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap 5ml sirap mengandungi 15mg dextromethorphan hydrobromide.

- Bahan tidak aktif:

- Chloroform spirit
- Liquid caramel
- Sorbitol 70%
- Menthol
- Sodium chloride
- Saccharin sodium
- Refined sugar
- Methylparaben /propylparaben
- Cherry flavour
- Citric acid
- Trisodium citrate
- Glycerine

- Nombor MAL

MAL19930519AZ

Pengilang

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP

15/02/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)130218/00048